

**SULIT**

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_



Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2018/2019

Disember 2018/Januari 2019

### **HMT503 – Teori dan Kaedah Penyelidikan Linguistik**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEPULUH (10) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B.
2. **Bahagian A ialah soalan WAJIB dijawab.** Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian B.
3. Jawab Soalan 1 dan Soalan 2 di atas kertas soalan ini. Kembalikan kertas soalan yang mengandungi jawapan Soalan 1 dan Soalan 2 bersama dengan skrip jawapan selepas selesai peperiksaan.  
Jawab Soalan 3 dalam SATU (1) buku jawapan.  
Jawab Soalan 4, 5, 6, 7 dan 8 dalam SATU (1) buku jawapan.
4. Tulis nombor 1 hingga 8 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

...2/-

**SULIT**

Bahagian A: **Soalan WAJIB dijawab.**

1. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai, huraikan secara ringkas perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam perancangan sesuatu kajian berbentuk kuantitatif.

[10 markah]

2. Jawab soalan [a] hingga [f] berdasarkan data dalam Jadual 1. Data dalam Jadual 1 diperoleh daripada satu kajian bertajuk “**Pemahaman Klausa Relatif Subjek dan Objek dalam kalangan Kanak-kanak dengan Kecelaruhan Spektrum Autisme (ASD), Kecelaruhan Bahasa Perkembangan Sintaksis (SyDLI) dan Kanak-kanak Normal B1 Bahasa Melayu**”. Kajian ini bertujuan untuk meneliti pemahaman klausa relatif subjek dan objek dalam kalangan kanak-kanak dengan kecelaruhan spektrum autisme B1 bahasa Melayu. Lapan orang kanak-kanak dengan kecelaruhan spektrum autisme, lapan orang kanak-kanak dengan kecelaruhan bahasa perkembangan sintaksis dan lapan orang kanak-kanak normal yang tidak mengalami kecelaruhan bahasa telah dipilih secara rawak atau rambang. Perbandingan antara kumpulan dilaksanakan berdasarkan pemahaman klausa relatif subjek dan objek dalam suatu tugas pemilihan gambar perduaan.

Jadual 1  
Pemahaman Klausa Relatif Subjek dan Objek dalam kalangan Kanak-kanak dengan Kecelaruhan Spektrum Autisme (ASD), Kecelaruhan Bahasa Perkembangan Sintaksis (SyDLI) dan Kanak-kanak Normal B1 Bahasa Melayu (Peratusan Respons yang Betul)

| Kanak-kanak dengan Kecelaruhan Spektrum Autisme (ASD)<br>% Betul | Kanak-kanak dengan Kecelaruhan Sintaksis Perkembangan (SyDLI)<br>% Betul | Kanak-kanak Normal<br>% Betul |
|--|--|-------------------------------|
| 54   | 46   | 94                            |
| 50   | 40   | 93                            |
| 53   | 40   | 95                            |
| 55   | 44   | 90                            |
| 50   | 40   | 98                            |
| 50   | 43   | 90                            |
| 51   | 45   | 90                            |
| 53   | 40   | 90                            |

- [a] Jawab soalan [i], [ii] dan [iii].
- [i] Lukiskan poligon kekerapan atau lukisan garisan.
  - [ii] Laksanakan satu pemerian atau huraian statistik bagi data-data tersebut.
  - [iii] Interpretasikan [i] dan [ii].

[10 markah]

[b] Isikan ruangan di bawah untuk kajian ini:

Hipotesis penyelidikan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tahap signifikan \_\_\_\_\_  
1 – atau – 2 - tailed \_\_\_\_\_

Klasifikasi reka bentuk penyelidikan \_\_\_\_\_

Lukiskan reka bentuk berpetak untuk kajian ini

Variabel pautan \_\_\_\_\_

Pengukuran \_\_\_\_\_

Variabel bebas \_\_\_\_\_

Pengukuran \_\_\_\_\_

Pengukuran bebas atau berulang kali \_\_\_\_\_

Fitur lain \_\_\_\_\_

Prosedur statistik \_\_\_\_\_

[10 markah]

[c] Lukiskan kerangka kerja konseptual untuk kajian ini.

[5 markah]

...7/-

- [d] Laksanakan SATU **ANOVA** bagi data tersebut. Bolehkah anda menolak hipotesis nol ( $H_0$ )?

---

---

[5 markah]

- [e] Hitungkan dan interpretasikan kekuatan hubungan / kaitan variabel bebas (omega squared -  $\omega^2$ ) bagi nisbah  $F$  signifikan.

$\omega^2 =$

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[5 markah]

- [f] Apakah kesimpulan yang dapat anda buat berdasarkan hasil kajian ini?

[5 markah]

3. Huraikan dengan menyertakan contoh-contoh yang sesuai EMPAT peringkat analisis kualitatif berpandukan pengkodan (*coding*) yang diutarakan oleh Bryman (2008).


[10 markah]

...9/-

SULIT



4. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, huraikan semua komponen dalam cadangan kajian ilmiah yang terdapat dalam Rajah 1.



[20 markah]

...10/-

**SULIT**

Bahagian B: Jawab DUA (2) soalan.

5. Jawab soalan [a] dan [b] dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Melayu.

[a] Apakah maksud teori dan hipotesis?

[4 markah]

[b] Dengan menggunakan lakaran yang sesuai, bezakan antara kerangka konseptual dengan kerangka teoretis.

[6 markah]

6. Bandingkan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif berdasarkan definisi, tujuan dan persampelan serta pengumpulan data.

[10 markah]

7. Bandingkan dan bezakan penyelidikan lapangan hulu dan hilir dari aspek tumpuan, tujuan, pengumpulan data dan tempat penyelidikan.

[10 markah]

8. Bincangkan **SAMA ADA** [a] **ATAU** [b] dari sudut etika penyelidikan.

**SAMA ADA**

[a] Etika untuk persetujuan bermaklumat.

[10 markah]

**ATAU**

[b] Plagiarisme

[10 markah]